

838 orang siswazah UPM terima ijazah, diploma Ogos ini

SERDANG, Selasa — Seramai 838 siswazah Universiti Pertanian Malaysia (UPM) akan menerima ijazah dan diploma dalam Konvokesyen kelima universiti tersebut 22 Ogos depan.

Konvokesyen itu juga buat kali pertamanya akan menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.d) kepada Dr. Nazaruddin Md. Jali dari Jabatan Sosiologi Desa.

Tiga orang menerima Ijazah Sarjana Sains dan seorang Ijazah Sarjana Sains Pertanian.

Seramai 373 menerima ijazah dalam 13 bidang pengajian dan 460 orang pelajar menerima diploma.

Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Mohd Rashdan Baba hari ini menjelaskan, sempena Konvokesyen itu empat acara lain akan diadakan iaitu:

- Persidangan Seranta Pendidikan Alam Sekitar di Universiti-universiti Asean dan Pemin dahannya.

- Expo Teknologi Alam Sekitar.

- Pesta Konvokesyen.

- Persidangan Kebangsaan Pembangunan Perusahaan Berasaskan Sumber.

Persidangan Serantau Pendidikan Alam Sekitar yang bermula pada 18 Ogos ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Seramai 25 pakar alam sekitar dari Australia, United Kingdom, Jepun dan negara-negara Asean akan turut serta.

Expo Teknologi Alam Sekitar pula akan disertai oleh 64 agensi pengajian, 40 sektor swasta dan 21 agensi kerajaan.

Tujuan Expo tersebut ialah untuk mengumpul berbagai teknologi berhubung pengawalan alam sekitar buat tatapan orang ramai.

Serentak dengan Expo ini, Pesta Konvokesyen akan dipenuhi berbagai acara temasya termasuk pertandingan, jualan, sukan dan acara rekreasi.

Menurut Tan Sri Dr. Mohd Rashdan Baba, Pertandingan Orkid Kebangsaan Kelima dan pertandingan sayur dan buah-buahan juga akan diadakan sempena pesta itu.

"Pihak UPM telah menyediakan beberapa jenis hasil tanaman pokok hiasan dan buah-buahan, hasil ternakan ayam dan ikan untuk dijual sepanjang Pesta nanti," ujarnya.

Selain dari itu gerai permainan dan makanan juga turut menyerikan lagi pesta tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia